



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)  
PEMAKLUMAN RASMI  
KRISIS COVID-19: BILANGAN 17 TAHUN 2021**

**PENGOPERASIAN PENGURUSAN PELAJAR  
PERGERAKAN PELAJAR PULANG SEMENA CUTI SEMESTER 2020/2021  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

Merujuk kepada kenyataan media, Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 9 Julai 2021 dan keputusan Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang diadakan pada 8 Julai 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang telah tamat sesi akademik 2020/2021 pulang ke rumah masing-masing bermula 12 Julai 2021. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menetapkan beberapa mekanisme kawalan pergerakan para pelajar secara berfasa bagi memastikan pergerakan adalah terkawal. Pelajar perlu mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) bagi pengoperasian pelajar pulang adalah seperti berikut :

### **1.1 Umum**

- i. Bagi fasa permulaan, pergerakan pelajar hanya dibenarkan di kawasan yang tidak tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD). Pergerakan pelajar di dalam kawasan PKPD hanya dibenarkan selepas tempoh PKPD tersebut tamat.
- ii. Kaedah pergerakan sehala pelajar iaitu ;
  - a. Menggunakan **pengangkutan bas** yang diselaraskan oleh universiti dengan pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat.
  - b. Menggunakan **kenderaan sendiri** turut dibenarkan. Ibu bapa atau penjaga tidak dibenarkan merentas negeri untuk membawa pelajar pulang.
- iii. Bagi pelajar yang pulang ke Sabah, Sarawak dan Labuan, kos ujian calitan (*swab test*) RT-PCR akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan (pemakluman mengenai kaedah bayaran akan dimaklumkan dari masa ke semasa). Kos kuarantin pula akan ditanggung oleh kerajaan negeri masing-masing.

## 1.2 Surat Kebenaran Pergerakan Pelajar Pulang

- i. Semua pelajar **WAJIB** mencetak **Surat Kebenaran Untuk Merentas Negeri/Daerah** melalui Sistem Pelajar Pulang ke Kampung bagi semua destinasi dan kaedah pergerakan pulang termasuk pelajar pascasiswazah.

## 1.3 Pergerakan Pelajar Pulang

### i. Kenderaan sendiri

- a. Mulai 12 Julai 2021 bagi pelajar Kampus Pekan.
- b. Mulai 17 Julai 2021 atau tertakluk kepada status PKPD semasa di Kampus Gambang.
- c. Hanya **2 ORANG** penumpang (termasuk pemandu) sahaja dibenarkan bagi sebuah kenderaan.
- d. Pergerakkan ke mana-mana Kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

### ii. Pengangkutan Kenderaan UMP

- a. Mulai 15 Julai 2021 tertakluk kepada penjadualan dan status PKPD semasa.
- b. Perkhidmatan kenderaan UMP adalah **PERCUMA** ke semua destinasi di dalam semenanjung Malaysia.
- c. Bagi pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan, perkhidmatan pengangkutan **PERCUMA** adalah sehingga ke KLIA atau Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan.
- d. Pergerakkan ke mana-mana Kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

## 1.4 Pengangkutan lain

- i. Penjaga/ ibu bapa/ teksi/ E-hailing/pengangkutan awam adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kampus untuk pengambilan pelajar pulang **KECUALI** ibu,bapa atau penjaga yang tinggal dalam lingkungan radius 10km dari kampus UMP Pekan atau Gambang.
- ii. Pengangkutan awam **UDARA** adalah dibenarkan ke semua destinasi di dalam Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

## 1.5 Tarikh Kuatkuasa

- i. Pemakluman rasmi ini adalah berkuat kuasa pada 12 Julai 2021.

## 1.6 Pematuhan

- i. Aspek keselamatan dan kesihatan pelajar adalah menjadi keutamaan UMP ketika pergerakan pelajar berlangsung. Semua pelajar dan pihak yang terlibat boleh merujuk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan FAQ Pergerakan Pelajar Pulang bagi mendapatkan perincian maklumat berkenaan pergerakan pelajar sebagaimana dilampirkan.
- ii. Peraturan ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Tindakan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pemakluman ini dan tindakan bersesuaian peraturan universiti boleh dikenakan.
- iii. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pasca siswazah, pelajar boleh menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) seperti talian UMP Kampus Gambang (09-5493206) atau melalui emel [ips.academic@ump.edu.my](mailto:ips.academic@ump.edu.my).
- iv. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pra siswazah pelajar boleh menghubungi Fakulti masing-masing atau sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik seperti berikut Kampus Gambang (09-5492550) dan UMP Pekan (09-4245252) atau melalui emel [ppa@ump.edu.my](mailto:ppa@ump.edu.my).
- v. Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel [admin\\_jhepa@ump.edu.my](mailto:admin_jhepa@ump.edu.my)

Sekian Terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR. DATO. Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN )**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 11 Julai 2021

s.k Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan  
Penasihat Undang-Undang  
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan  
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe  
#StayStrong  
#StayAtHome  
#AmalkanPenjarakanSosial  
#KitaJagaKita